

PM yakin ekonomi kita akan pulih

8P 14 JUN 1986

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin keadaan ekonomi negara akan pulih walaupun pada kadar yang agak perlahan dan mengambil masa.

Menurut Perdana Menteri, ketika ini sudah ada tanda bahawa pemulihan itu sedang berlaku, terutama dalam industri elektronik dan beberapa industri lain, termasuk perkayuan.

"Bagaimanapun, jumlah defisit akaun semasa negara masih lagi tinggi. Melainkan berlaku kenaikan mendadak harga komoditi, jika tidak defisit akaun semasa negara tahun depan dijangka menjadi lebih tinggi.

"Apa yang kita utamakan sekarang ialah menentukan lebih ramai rakyat negara ini yang masih menganggur mendapat pekerjaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Sri Perdana, di sini tengah malam tadi.

Selain membincangkan

perkembangan politik semasa, MT malam tadi membincangkan kedudukan ekonomi negara.

Mengenai kemungkinan pilihanraya umum diadakan tidak lama lagi berikutan beberapa masalah politik dan ekonomi sudah diselesaikan, beliau berkata masih ada masalah politik dan ekonomi lain yang perlu diselesaikan.

"Kami memutuskan untuk 'tunggu dan lihat' perkembangan selanjutnya ke atas masalah-masalah ini," ujarnya.

Matang

Beliau berkata, Umno merancang banyak perkara untuk dilaksanakan tidak lama lagi dan malam tadi MT hanya membincangkan secara umum persediaan menghadapi pilihanraya akan datang.

Ditanya sama ada beliau boleh menetapkan tarikh pilihanraya umum sekarang, sama ada pada tahun ini atau tahun depan berikutan keredaan beberapa isu besar, Perdana Menteri berkata: "Ketika ini saya tidak boleh menyatakannya."

Mengenai pembahagian kerusi bagi parti-parti komponen Barisan Nasional, beliau berkata MT malam tadi turut membincangkan perkara "yang memang selalu menjadi masalah itu".

"Bagaimanapun, saya yakin mereka yang terbabit cukup matang untuk memahami betapa perlunya bertolak ansur jika kita ingin terus bekerjasama," ujarnya.

Ditanya sama ada MT membincangkan tindakan beberapa golongan di Sabah yang ingin menubuhkan cawangan Umno di negeri itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kecuali di Labuan, isu penubuhan cawangan parti di Sabah tidak dibincangkan.

"Jika mereka membuat permintaan untuk berjumpa saya, saya sedia menemui mereka tetapi keputusan sama ada mereka boleh menubuhkan cawangan Umno di sana tertakluk kepada keputusan MT," katanya.

Sama ada MT membincangkan isu kontroversial mengenai buku *His Semula* karangan baru Umno, Encik, sim Ahmad, Perda

Menteri berkata perkara itu bukan tugas MT tetapi tanggungjawab Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.